

Newspaper	Berita Harian
Date	10 March 2016

Desak pucuk pimpinan singkir pengkhianat

Kuala Lumpur: UMNO Bahagian Kinabatangan dan Bukit Gelugor mendesak pucuk pimpinan mengambil tindakan terhadap pengkhianat parti yang bersekongkol dengan pembangkang untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Kedua-dua bahagian itu senada dengan puluhan bahagian UMNO mahu semua pemimpin dan ahli yang menyertai gerakan terbabit dipecat daripada parti.

Di Sandakan, Timbalan Ketua

Bahagian Kinabatangan, Jafry Arifin, berkata tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta beberapa pemimpin parti itu duduk semeja dengan pembangkang tidak boleh diterima.

"Kami membantah tindakan mereka, sebaliknya mahu menyokong dan mempertahankan institusi kepimpinan Datuk Seri Najib Razak selaku Presiden UM-

NO dan Perdana Menteri," katanya di Pejabat Perhubungan UMNO Bahagian Kinabatangan di Bandar Nam Tung di sini, semalam.

Di Butterworth, Ketua UMNO Bahagian Bukit Gelugor, Datuk Omar Faudzar menyifatkan tindakan Muhyiddin dan Muhkriz bersekongkol dengan pembangkang untuk mendesak Najib meletak jawatan Perdana Menteri sebagai kesalahan yang tidak boleh dimaafkan.

Usah beri peluang

Berikutan itu, beliau berkata, kedua-dua pemimpin berkenaan tidak wajar diberi peluang, sebaliknya harus dipecat sebagai ahli UMNO kerana mengkhianati parti.

"Saya cadangkan parti pecat kedua-dua mereka kerana sanggup bersekongkol dengan pembangkang untuk menggulingkan Najib, yang secara tidak langsung menjatuhkan Barisan Nasional (BN) dan UMNO," katanya.

Jumaat lalu, Dr Mahathir ber-

sama pemimpin pembangkang, melancarkan gerakan mendesak Najib meletak jawatan selepas usaha menarik sokongan ahli UMNO untuk menolak Perdana Menteri gagal.

Di Bintulu, Pengerusi BN Sarawak, Tan Sri Adenan Satem yakin krisis politik berlaku di Semenanjung tidak akan menjajikan sokongan rakyat negeri ini terhadap Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Negeri Ke-11 (PRN-11).

BH - 10/3/2016